

## **IDEA PENGASINGAN KUASA : Analisis Pemerintahan Islam**

Oleh : Rusnawati Ismail dan Oemar Hamdan

*Pensyarah pada Universiti Utara Malaysia*

Idea Pengasingan kuasa adalah satu doktrin tentang kerajaan berperlembagaan yang menjalankan konsep pengasingan kuasa pemerintahan kepada tiga badan berasingan dan ditadbirkan oleh individu berlainan. Dengan kata lain, “setiap badan dan institusi menjalankan bidang kuasa mereka sendiri tanpa mempengaruhi atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau badan yang lain”. Menurut Encyclopedia Britanica, pengasingan kuasa ialah “ the division of legislative, executive and judicial function of government, between separate and independent bodies”(61).

Teori tentang pengasingan kuasa ini telah wujud dan mula diketengahkan oleh Aristotle lagi. Dalam bukunya yang berjudul Politics, Aristotle telah membahagikan kuasa pemerintahan kepada tiga cabang iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif, tetapi tidak menghuraikannya dengan jelas (Katni Kamsono Kibat 1986:55).

Selepas Aristotle, teori ini kemudiannya telah mencapai kemuncaknya pada perumusan John Locke dalam bukunya Two Treaties on civil Government (1690) sebelum dilengkapi oleh Charles Louis Secondat de Montesquieu, seorang pengarang Perancis yang menyiarkan doktrin Trias Politica (M. Hutairuk S.H, 1980:29).

Pelopor sebenar teori pengasingan kuasa ini ialah Montesquieu (1689-1755) dalam bukunya The Spirit of laws (1748) yang menghuraikan lebih lanjut tentang pengasingan kuasa. Beliau membahagikan kuasa pemerintahan kepada tiga badan iaitu kehakiman, eksekutif dan perundangan. Ketiga-tiga badan ini mesti ditadbir oleh orang yang berlainan supaya wujud kawalan dan pengawasan (checks and balance) (A.C. Kapur, 1981:390). Falsafah disebalik pengasingan kuasa (separation of powers) ialah agar satu badan dapat mengawal badan yang lain untuk menjamin hak-hak dan kebebasan dan menyeimbangkan pembahagian kuasa dan mengawal penggunaan kuasa dalam pemerintahan.

Justifikasi mengenai idea pengasingan kuasa oleh Montesquieu bukanlah bertujuan untuk membuat perbandingan kerana Islam mempunyai sistem pemerintahan tersendiri. Pemerintahan Islam tidak boleh dipasang kepada mana-mana sistem yang difikirkan oleh manusia walau apa yang dikatakan sistem theokrasi tetapi ianya hanya sekadar untuk menambah kefahaman dan penjelasan mengenai sistem pemerintahan Islam berasaskan apa yang digambarkan pada pemerhati-pemerhati pemerintahan moden. Dalam sistem

pemerintahan Islam, persoalan sama ada badan eksekutif dan dewan undangan berpadu atau berpisah, atau sama ada ketua eksekutif boleh membatalkan undang-undang yang diluluskan oleh dewan undangan atau tidak, bukan menjadi prinsip utama. Perkara-perkara seperti ini boleh difikir sebagai wasilah untuk mencapai matlamat pemerintahan Islam dengan mengambilkira keperluan ruang dan zaman.

Sekiranya matlamat untuk memberi kebaikan (hasanah) kepada rakyat mengikut hukum-hukum Allah dengan kecekapan dan kesempurnaan yang maksima boleh dicapai dengan pemisahan kuasa atau lainnya, dan cara itulah yang digunakan sebagai wasilah dan dihubungkan dengan keperluan semasa. Umat Islam diberi panduan terperinci dalam hal-hal ibadah mahdah, seperti sembahyang dan sebagainya tetapi diberi prinsip umum dalam hal-hal mengurus urusan hidup termasuk urusan kehidupan berpolitik. Hadis-hadis dan amalan-amalan khulafah Rashidin yang mentafsir hadis memberi keluasan untuk umat Islam berfikir tentang wasilah (Shafie Ibrahim 1994:53-54).

Menurut Abu Al-Maati Abu Al-Fuluh, Islam membawa kaedah-kaedah umum yang wajib ke atas umat Islam melaksanakan di dalam kehidupan mereka. Kaedah-kaedah itu termasuklah adil, syura, meyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, persaudaraan Islam, persamaan dan dasar-dasar Islam yang lain yang wajib berlaku di dalam masyarakat. Tetapi tentang bagaimana hendak melaksanakan dasar-dasar ini, maka Islam tidak menentukannya.

Islam tidak menetapkan sedemikian kerana seperti yang kita ketahui, Islam agama Allah untuk seluruh manusia. Nabi Muhammad S.A.W tidak diutuskan kepada kabilah dan kaumnya sahaja tetapi diutuskan baginda untuk seluruh umat manusia. Allah berfirman:

“Katalah wahai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah  
kepada kamu semua.” (Al-‘Araf., 7:158).

Begitu juga Islam adalah merupakan risalah langit yang terakhir bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w sehinggalah ke hari kiamat. Oleh kerana dasar-dasar seperti adil, syura dan persamaan perlu tetap setiap masa dan tempat, tetapi cara pelaksanaannya berbeza mengikut peredaran masa dan tempat. Jika Islam menetapkan cara pelaksanaan yang khusus maka itu sudah tentu akan membawa kepada kebekuan atau statik yang tidak sesuai dengan tabie agama Islam (Abu Al-Maati Abu Al-Fuluh 1990:196-197).

Menurut Montesquieu, untuk menjalin tegaknya undang-undang dalam masyarakat, kekuasaan mesti dibahagi 3, yang dinamakan Trias Politica, iaitu :

- i. badan membentuk undang-undang (Legislative Power);
- ii. badan yang menjalankan Undang-undang (Executive Power);

iii. badan yang mengawasi berjalannya undang-undang (Judicial power).

Montesquieu percaya bahawa kuasa politik sentiasa terbuka untuk disalahgunakan, dan ini menjadi satu masalah besar bagi sesebuah negara untuk mencegah berlakunya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Adalah menjadi keperluan idea pengasingan kuasa ini digunakan untuk menjaga dan mengawasi kuasa. Pembahagian kuasa negara kepada tiga bahagian supaya masing-masing dapat menjaga dan mencegah penyelewengan. Ini juga akan memastikan kebebasan politik dan hak-hak lain. Eksekutif berkuasa dalam pentadbiran dan pelaksanaan, Legislatif berkuasa dalam membuat undang-undang dan Kehakiman berkuasa dalam membicarakan hukuman jika melakukan kesalahan undang-undang. Badan legislatif pula dibahagikan kepada Dewan Atas dan Dewan Rendah ( Muhd Kamlin 1986:183-184).

Menurut A. Ranney:

“No political truth is certainly of greater intrinsic value or is stamped with authority of more enlightened patrons of liberty, than that be accumulation of all power legislative, executive and judiciary in the same hands, whether hereditary self appointed, or elective, may justly be pronounced the very definition of tyranny.” (1987:207).

Ini bermakna jika ketiga-tiga kuasa ini dipegang oleh orang yang sama, maka ia boleh didefinisikan sebagai penindasan atau kezaliman. Sejarah juga membuktikan bahawa pemusatan kuasa boleh mewujudkan satu pemerintahan yang despotic dan bercorak kediktatoran seperti yang berlaku semasa zaman pemerintahan Hitler di Jerman dan Mussolini di Itali dan pada zaman Montesquieu iaitu pemerintahan Raja Louis ke XIV. Pengasingan kuasa ini dikatakan sebagai asas untuk menegakkan dan memperkukuhkan pemerintahan Negara demokrasi.

Islam telah menetapkan juga pembahagian kekuasaan ini. Cuma tidak dibatasi tiga badan itu. Sebelum Islam pun, masyarakat Arab sudah membahagikan kekuasaan kepada beberapa badan tertentu. Tetapi tidak seperti yang ada pada hari ini.

## 1. Badan Membentuk Undang-undang ( Legislative Power )

### 1.1 Parlimen

Sistem berparlimen dalam sebuah negara telah diperkenalkan oleh negara Barat pada abad ke 13 iaitu pada zaman Raja John Lackland berkuasa di England pada 1213M, atau kira-kira 787 tahun yang lalu. Namun begitu, prinsip berparlimen ini sudah lama

diwarwarkan oleh Islam, dengan sistem Ulu al-Amr akan tetapi sistem tersebut belum begitu sempurna dan belum selengkapya seperti yang ada sekarang ini.

Negara berdaulat yang berdasarkan prinsip musyawarah dan mempunyai sistem perwakilan dalam Ulu al-Amr itu, sifat kerakyatannya tidak hanya dalam bidang politik semata-mata, tetapi meliputi semua bidang kehidupan, sosial, ekonomi, pendidikan kebudayaan, pertahanan dan lain-lainnya.

Agama Islam mengajarkan, adanya badan yang diwakili rakyat dan untuk rakyat. Badan tersebut dinamakan Ulu al-Amr (anggota parlimen) atau Ahl Hall wa al-Aqd. Dalam kehidupan sehari-hari masyarakat di ajarkan prinsip persamaan, persaudaraan dan gotong-royong. Tentang Ulu al-Amr itu, ditegaskan oleh Allah s.w.t. dengan firmanNya yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya dan Ulu al-Amr dikalangan kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Snnah-Nya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.” (An-Nisa : 59).

Jika sudah dipersetujui sebulat suara, maka semua yang sudah disepakati itu wajib dilaksanakan. Jika mereka berselisih pendapat, mereka mesti merujuk terlebih dahulu dalam al-Quran dan hadis, melakukan kaedah dan rumusan hukum yang menyangkut dengan kedua-duanya. Mana yang sesuai dengan al-Quran dan Sunnah, itulah yang terbaik dan wajib dilaksanakan. Apabila terjadi perselisihan tentang hukumnya maka hal tersebut wajib ditinggalkan.

Badan yang berkuasa membuat undang-undang kini dinamakan dengan Parlimen dan badan yang menjalankan undang-undang dinamakan kerajaan. Semua rakyat mesti menerima ketentuan hukum itu dan mematuhiinya, baik secara terus terang mahupun secara tersembunyi. Dalam hal ini, tidak bererti ia tunduk dan taat kepada seseorang kerana Ulu al-Amr itu tidak memutuskan sesuatu melainkan sesuai dengan hukum Allah dan Rasul-Nya dan dengan izin-Nya. Keputusan yang diambil oleh Ahl Hall wa al-Aqd itu, tidak mungkin salah kerana tidak mungkin mereka sepakat menetapkan sesuatu yang salah atau bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah.

Kedudukan Ulu al-Amr sebagai wakil rakyat menurut ajaran Islam, tidaklah sama seperti anggota parlimen dalam negara demokrasi. Adalah diakui bahawa anggota Parlimen itu mempunyai hak untuk membuat peraturan dan undang-undang mengawal perjalanan sesuatu pemerintahan. Tetapi dalam negara demokrasi, sumber dalam

pembentukan peraturan dan undang-undang adalah perlembagaan. Setiap peraturan perundangan yang diterbitkan tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan.

## 1.2 Dewan Undangan Negeri

Negara Islam telah memberikan status ekonomi negara. Jika di pusat ada Ulu al-Amr, di neger-negeri ada pula Ulu al-Amr untuk setiap negeri. Yang menjadi ketua Dewan Undangan Negeri ialah kepala-kepala suku dan anggota-anggotanya adalah pemimpin-pemimpin dan tokoh terkemuka yang ada dalam setiap suku.

Dalam amalannya di ibu kota negara, yakni Madinah terdapat Ulu al-Amr yang berfungsi sebagai parlimen amanakala di Makkah, Syria, Mesir dan negeri-negeri lainnya terdapat Ulu al-Amr sebagai Dewan Undangan Negeri (DUN). Pembahagian kuasa kekuasaan antara Parlimen dengan DUN diatur melalui undang-undang. Dasar musyawarah dan sistem Ulu al-Amr mesti hidup dan berkembang di seluruh kerajaan negara Islam mulai dari Pusat sehingga ke negeri-negeri yang jauh terpencil.

## 1.3 Keanggotaan

Anggota Ulu al-Amr mesti dipilih rakyat, daripada rakyat dan untuk rakyat. Seseorang tidak mungkin menjadi anggota jika rakyat tidak memilihnya. Biasanya untuk menetapkan anggota Ulu al-Amr (Parlimen/DUN) itu, diterbitkan undang-undang tentang pemilihan yang mengatur hak-hak memilih dan dipilih.

Pada zaman permulaan Islam, sistem pilihanraya seperti yang dilaksanakan masa kini belum ada. Walaupun tidak melalui pilihanraya, namun ternyata mereka adalah orang-orang pilihan yang dipersetujui oleh rakyat.

## 2. Badan yang Menjalankan Undang-Undang (Executive Power)

### 2.1 Ketua Negara

Jawatan ketua negara menurut hukum Islam adalah suatu institusi khusus yang mempunyai bentuk dan corak tersendiri, berbeza dengan kedudukan ketua negara dalam sebuah negara yang tidak menjalankan pemerintahan berdasarkan Islam. Jika suatu pemerintahan itu diperintah secara Republik, ketua negaranya disebut 'Presiden'. Jika pemerintahannya bersifat monarki, ketua negaranya disebut 'king' atau 'raja'.

Dalam pemerintahan Islam tidak demikian. Walau bagaimanapun ada ketika atau masanya ketua negara sesebuah negara Islam digelar sebagai Presiden atau Raja. Nama ketua negara yang memerintah negara Islam menurut hukum Islam itu ialah 'Khalifah', 'Amir al-Mukminin' atau 'Imam al-A'zham'. Meskipun keadaan ketua-ketua negara Islam itu berubah-ubah sepanjang sejarah, namun dasarnya tetap, iaitu berdasarkan hukum Islam.

Jawatan ketua negara menurut Hukum Islam itu mengandungi dua pengertian iaitu dari segi keagamaan dan dari segi politik. Ketua negara merupakan pengganti rasul dalam melaksanakan hukum-hukum Allah di tengah-tengah masyarakat dan negara yang diperintahnya. Memelihara dan mengembangkan agama ini termasuk tugas ketua negara dari segi keagamaan. Lebih daripada itu, ketua negara adalah pemimpin yang tertinggi. Beliau bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyatnya.

Para ulama sependapat (ijma) bahawa hukum melantik seorang ketua negara itu adalah wajib. Hanya sebahagian golongan khawarij dan Mu'tazilah menganggapnya tidak perlu apabila umat dalam keadaan baik dapat mengamalkan al-Quran dan Sunnah dengan aman dan tenteram. Demikian pula para ulama ijma' menyatakan bahawa tidak sah dipilih dua orang khalifah dalam satu masa kerana hal itu akan menimbulkan persaingan yang tidak sihat dan akan menimbulkan hal-hal negatif yang merugikan masyarakat. Bukti-bukti telah menunjukkan tatkala umat Islam telah berpecah-belah dan jumlah khalifah sudah berbilang-bilang maka kesempatan ini dipergunakan oleh pihak musuh Islam untuk menghidupkan dan mengorbankan pertentangan dengan cara membantu satu pihak dan menghancurkan pihak yang lain.

Ditinjau dari segi politik dan psikologi, adanya ketua negara dalam suatu negara yang merdeka dan berdaulat adalah wajar. Sebagaimana tubuh manusia memerlukan nyawa dan badan, maka demikian pula halnya kaum muslimin di seluruh benua memerlukan seorang khalifah atau imam al-Azham yang mempunyai wewenang di seluruh dunia Islam. Tanpa nyawa dan badan, manusia tidak akan dapat hidup. Demikian pula halnya urusan kenegaraan ini. Tanpa khalifah (ketua negara) yang mempunyai wibawa, kehidupan masyarakat dan negara itu tidak akan sempurna.

### 3. Badan yang Mengawasi Perjalanan Undang-undang (Judicial power)

Mengadakan badan perundangan dan melantik hakim dengan syarat-syarat tertentu untuk menegakkan keadilan dan kebenaran, hukumnya fardhu kifayah. Dalilnya ialah firman Allah yang bermaksud :

“Mereka yang suka mendengar berita bohong dan banyak memakan makanan yang haram, jika mereka (orang yahudi) datang kepadamu (untuk meminta keputusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka atau berpalinglah daripada mereka. Jika kamu berpaling daripada mereka, maka mereka tidak akan memberi mudarat kepadamu

sedikitpun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuslah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil.” (al-Ma’idah : 42).

Hadis al-Bukhari dan Muslim :

“Apabila hakim berijtihad dan ijtihad itu salah, maka baginya satu pahala. Dan jika ijtihadnya itu benar (tepat), maka baginya dua pahala.”

Ijma ulama menyatakan bahawa mengadakan perundangan itu adalah wajib. Perundangan mesti ditegakkan di bawah pengawasan Menteri Kehakiman. Tentang namanya, apakah “Pengadilan” atau “Mahkamah” atau “Qadha”, tidak menjadi soal. Yang wajib ada dalam negara itu, badan atau lembaga khusus yang menjamin tegaknya undang-undang dan keadilan dalam masyarakat. Badan tersebut dapat menyelesaikan perselisihan yang timbul dalam berbagai-bagai aspek kehidupan, baik yang menyangkut bidang agama mahupun bidang yang lain. Tanpa lembaga kehakiman dan perundangan, akan sukarlah bagi sesebuah negara itu menegakkan hukum secara murni. Akan mudahlah timbul kezaliman, kekacauan, penindasan dan perkosaan terhadap hak asasi seseorang.

## 2. ANALISIS

Rasulullah s.a.w memegang 3 bentuk kekuasaan yang dinyatakan sebelum ini iaitu kuasa eksekutif, kuasa legislatif dan kuasa kehakiman. Apabila terdiri sebuah kerajaan Islam yang menjalankan pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah s.a.w secara automatik memegang kuasa pemerintahan dan menjadi ketua negara. Baginda mengendalikan proses pemerintahan mengikut budi bicara baginda yang sudah tentu mendapat bimbingan dan wahyu dari Allah selaras dengan firman Allah yang bermaksud: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran dan Hadith) tidak lain melainkan yang diwahyukan kepadanya.” ( Al-Najm: 3- 4).

Orang-orang Islam memahami bahawa Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai kedudukan sebagai ketua negara dan pemerintahan di negara Islam Madinah dan di daerah yang dibawah kuasanya. Kedudukan itu bukan hasil dari undi orang ramai, tetapi baginda diyakini sebagai Nabi dan Rasul yang mendapat bimbingan dari Allah melalui wahyu. Rasulullah merupakan negarawan yang berjaya meyakinkan masyarakat yang berada dalam pemerintahan Islam ketika itu. Orang ramai yang berbilang kaum amat menyakini kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat yang membantu pemerintahan Rasulullah.

Baginda juga memegang kuasa legislatif secara langsung apabila menjawat jawatan ketua eksekutif untuk kepentingan pemerintahan Islam. Walaupun Nabi mempunyai kuasa penuh legislatif, baginda bermesyuarat sebelum melaksanakan segala tindakan. Didapati juga keputusan yang dibuat dalam permesyuaratan, baginda sendiri yang akan melaksanakannya. Nabi tidak menyimpang dari maksud ayat berikut:

“Dan tidaklah boleh bagi orang mukmin lelaki dan tidak boleh orang mukmin perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya telah memutuskan satu keputusan akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa menderhakai Allah dan RasulNya, maka dia telah sesat sebagai sesat yang nyata.”

(Al-Ahzab : 36).

Dalam bidang kehakiman, Rasulullah s.a.w. merupakan ‘hakim tertinggi’ yang memutuskan segala hukuman serta menyelesaikan segala perbalahan yang timbul. Pada permulaan Islam, kekuasaan kehakiman dan pengadilan langsung dipegang oleh Nabi s.a.w. Tidak ada hakim lain kerana masyarakat menaruh kepercayaan penuh kepada baginda dan tidak seorangpun hakim yang dapat dipertanggungjawab akan keadilannya.

Walaupun demikian, Nabi s.a.w. melantik seorang lelaki di beberapa daerah menjadi hakim, khusus menyelesaikan persengketaan sesama kaum muslimin. Kepada pihak yang berkuasa di sesuatu tempat, baginda memerintahkan selain memimpin urusan pemerintahan, pihak yang berkuasa juga harus bertindak menjadi hakim dalam beberapa perkara. Beliau menegakkan hukum ditengah-tengah masyarakat sesuai dengan wahyu yang diturunkan kepadanya. Sebagai contoh ada dua orang yang bersengketa hadir di hadapan baginda. Sebelum menjatuhkan keputusan, terlebih dahulu baginda mendengar keterangan kedia-dua pihak yang bersengketa (H.A.Fuat 2002: 248).

Adapun kepastian hukum yang akan dilaksanakan oleh baginda adalah berdasarkan bukti sumpah, saksi, tulisan, firasat, undian, firasat, undian dan lain-lainnya. Baginda pernah bersabda yang bermaksud :

“Bukti atas pendakwa dan sumpah atas orang yang ingkar (menolak). Saya diperintahkan menjatuhkan hukuman berdasarkan kenyataan, sedang Allah menguasai semua yang tersembunyi. Apabila seorang hakim berijtihad dan (ijtihadnya) benar (tepat), maka baginya dua pahala. Jika ijtihadnya salah, maka baginya satu pahala.”

Nabi s.a.w. tidak pernah berat sebelah semasa membicarakan sesuatu kesalahan. Hal itu dapat ditandai dengan sabda baginda yang bermaksud :



“Jika dua orang yang menghadapi tuduhan sudah berada dihadapanmu, maka janganlah kamu jatuhkan hukuman sebelum kamu mendengar keterangan orang lain (kedua), sebagaimana kamu sudah mendengar keterangan orang pertama. Maka sesungguhnya hal itu lebih layak menjelaskan kepadamu tentang bentuk pengadilan.”

Walau bagaimanapun, apabila syiar Islam bertambah luas, maka Rasulullah s.a.w mengizinkan beberapa orang tokoh sahabat bertindak menjadi hakim dalam berbagai-bagai perkara, berdasarkan hukum-hukum al-Quran, Sunnah dan Qiyas.

Di zaman khalifah, Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali merupakan empat Khalifah yang meneruskan wasilah Rasulullah s.a.w. Mereka memegang kuasa eksekutif untuk menjalankan pemerintahan Islam. Mereka masih lagi melaksanakan amalan-amalan politik dengan berpandukan amalan Nabi, dan bila tidak didapati dalam amalan maka mereka melakukan ijtihad (Shafie 1998: 22). Pelaksanaan mereka ini sebagai ketua negara melalui proses di mana suara majoriti menjadi salah satu prinsip dikalangan sahabat-sahabat Nabi. Sahabat-sahabat melakukan ijtihad politik penting di Saqifah Bani Sa'idah untuk memilih pengganti Nabi. Ini kerana sebelum Nabi wafat, Nabi tidak melantik pengganti untuk mengambil alih tempat baginda sebagai ketua negara dan pemerintahan Islam. Abu Bakar telah dipilih menjadi Khalifah yang pertama. Proses perlantikan ini berterusan sehinggalah pada zaman Khalifah Ali.

Sebagai ketua negara, keempat-empat khalifah ini meneruskan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah sebagai wasilah. Dalam zaman khalifah memperkukuhkan lagi pemerintahan Islam dan gerakan pembukaan Islam yang berjalan dengan pesat menyebabkan daerah kekuasaan Islam semakin meluas dan sudah melebihi sempadan Semenanjung Tanah Arab. Keadaan ini memberi kesan kepada corak dan ciri pentadbiran pada zaman khulafa Rasyidin.

Dalam menjalankan tugas sebagai ketua negara, keempat-empat khalifah sentiasa mendapat pandangan dan pendapat dari kalangan mereka yang mendampingi khalifah terutama dalam menghadapi perkara-perkara penting serta peristiwa besar yang belum pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. dan tidak ada keterangan hukum mengenainya di dalam al-Quran. Institusi ini ialah “al-Syura”. Ia diadakan di Masjid Nabi dan dihadiri oleh tokoh-tokoh Muhajirin dan Ansar.

Kuasa legislatif dipegang oleh khalifah yang dilantik sebagai ketua eksekutif. Apa yang menjadi permasalahan pada masa kini, terdapat pemisahan kuasa eksekutif dan kuasa legislatif. Namun dalam Islam, kedua-dua kuasa ini menjadi satu perkara dalam zaman

Nabi dan khulafa Rasyidin. Pemisahan kedua-dua kuasa pada zaman moden ini kerana sukar untuk mencari keperibadian manusia seperti Khulafa al-Rasyidin maka negara Islam wajar mengadakan peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan untuk memaksimumkan kecekapan pemerintahan dan mengelak daripada mudah berlakunya penyelewengan.

Terdapat perbezaan dalam bidang kehakiman zaman Nabi dengan zaman Khulafa al-Rasyidin. Perbezaannya ialah pada zaman Nabi, baginda merupakan “Hakim Tertinggi” yang memutuskan segala hukum dan pertelingkahan yang timbul, di samping baginda sentiasa mendapatkan pandangan dari sahabat-sahabat. Di zaman khulafa al-Rasyidin, para khalifah tidak bertindak sebagai “Hakim Tertinggi” tetapi segala hukuman dan pertelingkahan itu diputuskan oleh qadi.

Pada zaman ini setiap wilayah mempunyai “Qadi Besar” dan setiap kawasan pula mempunyai “qadi” sendiri. Walau bagaimanapun, “Qadi Besar” ini tidak mempunyai kuasa ke atas “Qadi Kawasan”. Para qadi ini mendapat peruntukan yang mencukupi supaya mereka tidak terdedah kepada rasuah dan sebagainya. Tidak terdapat sebarang aduan sepanjang zaman Khulafa al-Rasyidin yang ada qadi yang terlibat mengambil rasuah.

Dasar pemerintahan yang terdapat dalam zaman Nabi dan khulafa al-Rasyidin tidak menjadi wasilah pada zaman Bani Umayyiah dan Bani Abbasiyah. Sistem pemerintahan dan susunan pentadbiran negara pada masa ini, agak berlainan sedikit dengan sistem yang pernah dijalankan oleh 4 orang khalifah sebelumnya. Hal ini terjadi sebagai akibat adanya pembaharuan yang dilakukan. Jawatan ketua negara pada masa itu telah berubah sifatnya iaitu dari sistem musyawarah kepada sistem monarki. Ketua negaranya merupakan jawatan warisan atau turun temurun.

Ketua negara yang memegang kuasa eksekutif dan legislatif, banyak mengadakan musyawarah dengan pemuka-pemuka dan tokoh-tokoh masyarakat. Walau bagaimanapun, musyawarah ini diadakan semata-mata atas kehendak ketua negara bukan lagi sebagai satu kewajipan. Memang tergambar pada zaman tersebut ketua negara tidak terikat kepada hasil musyawarah. Jadi ketua negara bebas berbuat dan bebas menyatakan pendapat dan bebas pula menjalankan dasar, walaupun peserta musyawarah berpendapat lain. Jadi ketua negara yang menentukan dan segala kemahuannya tidak dapat dibantah.

Kekuasaan kehakiman ada perbezaan pada zaman Bani Umayyiah dan Abbasiyah. Ketua negara hanya berhak mengawasinya dan badan eksekutif tidak berhak mencampuri urusan dalaman pengadilan. Namun begitu, sistem kehakiman sudah berbeza dengan

zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin memandangkan perubahan yang begitu ketara oleh pemerintah monarki dalam zaman Bani Umaiyyah dan Bani Abbasiyah.

Memang terdapat jauh perbezaan pemerintahan Zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin dengan zaman Bani Umaiyyah dan Abbasiyah. Pemerintahan pada zaman Nabi dan khulafa al-Rasyidin adalah berdasarkan demokrasi. Ketua negara menganggap dirinya salah seorang di antara rakyat dan sebaliknya. Perbezaan antara rakyat dengan ketua negara hanya dalam beberapa hal yang ditentukan oleh Allah. Hubungan antara ketua negara dengan rakyat cukup baik dan harmoni. Sedangkan pemerintah zaman Umaiyyah dan Abbasiyah hidup terpisah dengan rakyat. Maka tidak ada keharmonian hidup yang patut diamalkan seperti mana berlaku dalam zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin.

## **DAFTAR PUSTAKA**

- Abu Al-Maati Abu Al-Fuluh.1990. Islam, Politik Dan Pemerintahan (terj.Mohd. Akhir Ya'acob).Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- A.C. Kapur. 1981. Principles of Political sciences. New Delhi: S. Chand Co. Ltd.
- A. Ranney. 1987. Governing: An introduction to Political Sciences. New Jersey: Prentice- Hall.
- Katni Kamsono Kibat.1986. Asas Ilmu Politik. Selangor: Biroteks ITM.
- M. Hutairuk S. H. 1980. Garis Besar Ilmu Politik. Jakarta: Erlangga.
- Muhd. Kamlin.1986. Pengantar Pemikiran Politik Barat. Bangi: Penerbit UKM.
- Shafie Ibrahim. 1994. Hadith-hadith Politik (Negara Islam Berasaskan Hadith). Kepala Batas: Dewan Muslimat.